

09/08/2003

`Semuanya berkat doa rakyat'

Noor Jaafar

PERENANG maraton negara, Abdul Malik Mydin yang menjadi rakyat Malaysia pertama merentasi Selat Inggeris berkata kejayaannya itu bukan semata-mata kerana kudratnya saja, sebaliknya berkat doa semua rakyat Malaysia.

"Kudrat saya memang tidak seberapa tetapi kejayaan saya merentasi Selat Inggeris itu lebih banyak kerana doa semua rakyat Malaysia.

"Kalau tanya kekuatan saya pada masa itu saya sudah tidak ada kekuatan lagi, tapi doa tuan-tuan, Perdana Menteri, rakan-rakan dan seluruh rakyat Malaysia menyebabkan saya berjaya menjejakkan kaki di Calais," katanya di majlis sambutan kepulangannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), petang semalam.

Malik menaiki pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) dari London dan tiba di KLIA pada jam 5.30 petang. Kepulangan perenang maraton negara itu disambut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein dan timbalannya, Datuk Ong Tee Keat serta pelayar negara Datuk Azhar Mansor yang berjaya mengelilingi dunia secara solo pada 1999.

Turut memeriahkan suasana ialah sorakan "Malaysia Boleh" oleh kira-kira 1,000 peminat dan penyokongnya.

Malik berkata selama tiga tahun dia membuat persediaan mengharungi Selat Inggeris yang mengambil masa 17 jam 25 minit untuk sampai ke Calais, Perancis.

"Tapi, saya mengambil masa lima jam untuk menghabiskan renang sejauh lima kilometer dan hampir berputus asa walaupun akhirnya saya sampai dan berjaya menjejak kaki di Calais dari Dover," katanya.

Perenang berusia 28 tahun itu juga berterima kasih kepada penaja renangnya, termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB), Yayasan Al-Bukhari, MEC, Genting Bhd dan Kementerian Belia dan Sukan.

Katanya, dia belum memikirkan rancangan selepas ini, kerana terlebih dahulu mahu berehat sesudah sekian lama berlatih sebagai persiapan menghadapi cabaran Selat Inggeris itu.

Malik adalah perenang pertama Asia Tenggara dan keempat Asia berjaya merentasi Selat Inggeris sejauh 58 kilometer secara keseluruhannya.

Dalam tempoh 127 tahun, kurang daripada 100 perenang yang pertama kali mencuba berjaya merentasinya kerana laut di Selat Inggeris bergelora dan airnya sejuk dengan suhu kurang daripada 16 darjah Celsius.

Sementara itu Hishammuddin berkata, kejayaan Malik patut menjadi contoh kepada remaja di negara ini.

"Ini membuktikan rakyat negara tidak ada bezanya dengan rakyat negara lain yang mampu menghadapi cabaran jika berdisiplin, tabah, sabar dan cekat hati," katanya.

Katanya, kementerian akan memikirkan rancangan untuk Malik menggunakan kejayaannya itu mendorong golongan belia di negara ini untuk mencatat pencapaian lebih tinggi.